

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 26 OGOS 2020

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan status perundingan untuk pembebasan kapal-kapal nelayan Malaysia yang ditahan Indonesia dalam kawasan pertindihan perairan dan untuk memberikan butir-butir termasuk nombor pendaftaran kapal yang telah dipulangkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sejak tahun 2017 sehingga sekarang, sebanyak 53 vesel nelayan Malaysia telah ditahan oleh pihak berkuasa Indonesia melibatkan kru nelayan tempatan dan asing.

Isu sempadan maritim antara Malaysia-Indonesia telah sekian lama dipertikaikan dan menjadi tuntutan kedua-dua negara. Kawasan yang dipertikaikan oleh kedua-dua negara mempunyai sumber perikanan yang banyak dan turut menjadi tumpuan nelayan tempatan bagi menjalankan aktiviti menangkap ikan.

Isu pembebasan nelayan dan bot nelayan tempatan yang ditahan di Indonesia telah mula dirundingkan pada November 2017 dan masih dalam proses perbincangan di antara pihak berkuasa

SOALAN NO : 54

kedua-dua negara. Berdasarkan undang-undang di Indonesia, mana-mana bot nelayan asing yang didapati bersalah kerana menceroboh perairan Indonesia akan dilucuthak dan dimusnahkan.

Walau bagaimanapun, kerajaan telah menghantar senarai bot-bot nelayan Malaysia yang ditahan kepada pihak berkuasa Indonesia melalui Malawakil di Jakarta untuk pertimbangan bagi dibebaskan tetapi masih belum mendapat maklumbalas daripada pihak berkuasa Indonesia.

Sekian, terima kasih.